

23/01/2001

Isu giliran KM tidak jejas perpaduan

KOTA KINABALU, Isnin - Perpaduan di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) Sabah tetap utuh, tanpa mengambil kira sama ada sistem penggiliran Ketua Menteri dimansuhkan atau diteruskan seperti biasa.

Pemimpin parti komponen BN negeri yang ditemui hari ini, berpendapat sebarang keputusan yang dibuat berhubung sistem itu nanti, tidak akan menjejaskan perpaduan sesama mereka atau memudaratkan rakyat kerana ia dilakukan hasil persefahaman semua pihak selepas mengambil kira pelbagai faktor penting.

Setiausaha BN negeri, Datuk Karim Bujang berkata, semua parti komponen BN sudah cukup matang dengan isu berkenaan kerana sistem itu bukan sesuatu yang baru dilaksanakan di Sabah.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga sudah bercakap apa yang sepatutnya mengenai perkara ini.

"Oleh itu, kami akan mengadakan mesyuarat tidak lama lagi bagi berbincang dengan lebih lanjut, sebelum dibawa kepada pengetahuan beliau," katanya ketika menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Mulia, dekat sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir berkata, beliau masih memikirkan sama ada untuk mengekalkan sistem itu atau tidak.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri dilaksanakan selepas BN mengambil alih pemerintahan kerajaan Sabah pada 1994, bagi membolehkan pemimpin Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam serta Cina, dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir bagi setiap dua tahun, sekali gus menstabilkan keadaan politik negeri itu.

Beberapa pihak sebelum ini termasuk Umno dan pembangkang, Parti Bersatu Sabah (PBS), mahu sistem itu dikaji semula atau dimansuhkan, kerana mendakwa ia boleh menjejaskan kecekapan pentadbiran kerajaan negeri.

Sehingga kini, lima pemimpin sudah dilantik ke jawatan itu termasuk Ketua Menteri sekarang, Datuk Osu Sukam, yang mewakili Bumiputera Islam dan tempoh jawatannya akan berakhir Mac ini.

Sementara itu, Pandikar berkata, sebarang keputusan hanya akan dibuat selepas mendapat persefahaman semua parti komponen yang mempunyai kaitan dengan perkara itu, selain mengambil kira faktor lain.

"Apabila sistem ini mula-mula mahu dilaksanakan, ada yang berpendapat ia tidak sesuai tetapi apa yang kita nampak, tiada perkara berlaku sehingga memudaratkan Sabah atau negara ini.

"Jika dimansuhkan pula, saya juga tidak nampak akan ada masalah yang besar hingga sukar ditangani," katanya.

Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Tan Sri Joseph Kurup berkata, sekiranya pucuk pimpinan menetapkan agar sistem itu diteruskan, beliau yakin tidak akan berlaku sebarang masalah peralihan kuasa sebagaimana yang berlaku sebelum ini.

"Apa yang penting sekiranya sistem ini diteruskan ialah semua pihak perlu bekerjasama dan tumpukan kepentingan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, iaitu apa yang dirancang Ketua Menteri terdahulu dan sekarang, harus diteruskan," katanya.

Mengenai calon Bumiputera bukan Islam yang sesuai untuk menyandang jawatan itu, beliau berkata, semua wakil rakyat BN yang ada sekarang mempunyai kebolehan sama ada daripada PBRS atau parti komponen lain.

(END)